



Wujud ruang khas

AEON Style Taman Maluri tawar pengalaman baharu kepada pelanggan.

Oleh Sofyan Rizal Ishak
 sofyan.rizal@
 hmetro.com.my

AEON Taman Maluri tawar konsep AEON Style yang pertama di Malaysia dan Asia Tenggara

Kuala Lumpur

AEON Co (M) Bhd (AEON), rantaian pasar raya terkemuka di negara ini mula membuka pintu cawangan AEON Taman Maluri yang menawarkan konsep AEON Style yang pertama di Malaysia dan Asia Tenggara.

Konsep itu ditawarkan dengan tujuan untuk mewujudkan ruang khas di pusat beli-belah terbabit bagi memberi keselesaan dan kemudahan serta meningkatkan pengalaman membeli-belah.

Pengarah Urusannya, Shionobu Washizawa berkata, penampilan baharu pusat beli-belah dengan konsep itu adalah selari dengan matlamat utama syarikat untuk terus kekal relevan dan memenuhi keperluan trend yang giat berubah bagi setiap generasi.

"Konsep ini mampu menggabungkan barisan produk dari AEON dan meningkatkan perkhidmatan pelanggan dengan menawarkan pengalaman beli-belah holistik.

"Pengunjung juga dilalu-alukan untuk melihat

ruangan dalaman yang diilhamkan dengan konsep semula jadi, pilihan makanan dan minuman menarik serta turut merasai pengalaman beli-belah hebat yang dapat memenuhi keperluan pelbagai spektrum daripada bayi ke generasi lebih berusia," katanya pada majlis pembukaan rasmi AEON Taman Maluri, semalam.

Hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Pusat beli-belah itu mula

beroperasi pada 1989 dan menjadi salah satu daripada pusat beli-belah terawal yang dibuka di Kuala Lumpur sebelum ia melaksanakan kerja naik taraf pertama pada 2000.

Selepas itu, AEON Taman Maluri ini melaksanakan kerja naik taraf buat kali kedua pada 2017 dengan kos pelaburan sebanyak RM300 juta membaikkan penambahan ruang komersial berkeluasan 450,000 kaki persegi dengan ketinggian tujuh tingkat, lebih 1,500 ruang letak kereta dan seramai 122 penyewa.